



## Penguatkuasaan ordinaran berita palsu perlu telus, tulus

Pada Mei 2020, satu resolusi diluluskan negara anggota Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berkaitan gerak balas terhadap ancaman COVID-19.

Resolusi ini juga menyeru langkah bersesuaian diambil pihak berwajib bagi menangani penularan berita palsu berkaitan pandemik.

Dalam satu kenyataan lain pula, WHO menegaskan kepentingan menguruskan lambakan maklumat - atau disebut 'infodemic' - sama penting dengan menguruskan cabaran pandemik itu sendiri.

Malaysia tidak terkecuali. Sehingga 12 Mac lalu, sebanyak 287 kertas siasatan kes berita palsu berkaitan COVID-19 dibuka. Daripada jumlah itu, 51 sudah didakwa di mahkamah dengan 31 didapati bersalah, manakala 113 kes lagi masih dalam siasatan dan 20 dalam proses perbicaraan.

Pasti angka ini akan terus meningkat sekiranya tiada tindakan tegas dan tuntas diambil. Banyak khabar angin di-sebarkan berkenaan vaksin. Perkembangan ini amat membimbangkan dan mampu merencatkan usaha kerajaan dalam memerangi pandemik.

Secara asas, hak kebebasan bersuara di Malaysia dijamin Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Namun, Perlembagaan Persekutuan juga memberikan kuasa kepada Parlimen untuk menggubal undang-undang yang boleh menyekat kebebasan bersuara seperti termaktub di bawah Perkara 10(2)(a) dan Perkara 10(4).

Bagaimanapun, undang-undang menyekat kebebasan bersuara hanya boleh digubal jika memenuhi alasan di-benarkan dalam Perlembagaan seperti melindungi ketenteraman awam dan moral.

Hasil pemerhatian, kebanyakan kertas siasatan dibuka mengguna pakai peruntukan berkaitan, seperti Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan.

Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan diguna pakai bagi menyekat penyebaran berita yang mampu menimbulkan ketakutan atau kegentaran kepada awam, manakala Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi menyekat penyebaran kandungan dalam talian yang bersifat lucah, palsu, ataupun mengancam individu lain.

Secara asasnya, punca kuasa darurat berdasarkan peruntukan di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan darurat sekiranya baginda berpuas hati terdapat ancaman nyata terhadap keselamatan, ekonomi, ataupun ketenteraman awam dalam Persekutuan, atau mana-mana bahagi-

an dalam Persekutuan.

Proklamasi darurat membawa kepada penggubalan undang-undang khas, dikenali Ordinaran Darurat yang boleh digubal baginda, atau Parlimen - sekiranya kedua-dua majlis Parlimen masih bersidang.

Menurut Perkara 150(2B) Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong boleh menggubal ordinaran ini jika difikirkan berpatutan dan perlu mengikut keadaan semasa darurat itu.

Secara mudah, Perlembagaan Persekutuan tidak menetapkan had bilangan Ordinaran Darurat yang boleh digubal ketika darurat berlangsung. Ordinaran ini juga secara amnya boleh mengatasi mana-mana kuasa dan perlindungan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, termasuklah apa-apa hak asasi manusia yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Ordinaran Darurat Kuasa-Kuasa Perlu (No. 2) 2021 diwartakan 12 Mac lalu bagi menangani penghasilan dan penyebaran 'berita tidak benar' berhubung proklamasi darurat atau pandemik COVID-19 di Malaysia.

Ini tidak terpakai kepada berita palsu tidak berkaitan perkara disebutkan di atas. Justeru, dari segi skop bidang kuasa pelaksanaan, ia lebih kecil jika dibandingkan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan.

Menurut Ordinaran ini, berita 'tidak benar' ditafsirkan sebagai sebuah berita yang palsu sama ada keseluruhannya ataupun sebahagiannya. Jika dirujuk tafsiran umum, sesebuah berita boleh dianggap tidak benar sekiranya tidak diverifikasi pihak berkaitan.

Apa pun, tafsiran sangat umum seperti dinyatakan ordinaran ini sudah tentu menimbulkan rasa tidak senang dalam kalangan pengkritik, lantaran kekhawatiran ia mampu membawa kepada salah guna kuasa ataupun penindasan.

Tidak kurang bimbang pelaksanaan ordinaran ini mampu menyekat hak ke-

bebasan bersuara secara keseluruhan-nya.

Realitinya, terdapat tiga jenis kesalahan diperuntukkan di bawah ordinaran ini.

Pertama, berkaitan penerbitan dan penyebaran berita tidak benar. Berdasarkan Seksyen 4(1), terdapat satu elemen persamaan dengan kehendak Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan di mana berita palsu itu haruslah mampu atau berkemungkinan menimbulkan ketakutan dan kegentaran kepada awam.

Namun, hukuman diperuntukkan jauh lebih tinggi iaitu didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya sekali. Seksyen 505(b) hanya memperuntukkan denda atau penjara tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya.

Seksyen 4(2) ordinaran ini juga memberi kuasa kepada mahkamah memrintah permohonan maaf dilakukan pesalah kepada mana-mana individu yang terjejas dengan kenyataannya.

Ordinaran turut menjenayahkan penyediaan bantuan kewangan bagi mempermudah penerbitan dan penyebaran berita tidak benar. Menurut Seksyen 5, seseorang itu boleh dipenjarakan tidak melebihi enam tahun dan didenda RM500,000 sekiranya didapati bersalah.

Ketiga pula merujuk kegagalan atau keengganan pesalah menghapuskan berita tidak benar dalam tempoh 24 jam selepas diarahkan polis. Jika gagal, pe-

salah boleh didenda sehingga RM100,000 atau RM3,000 untuk setiap hari jika kesalahan itu berterusan.

Walaupun begitu, arahan terbabit boleh disemak semula Mahkamah Tinggi sekiranya terdapat permohonan mana-mana individu yang terjejas dengan arahan berkenaan.

Seksyen 22 Ordinaran ini turut memperuntukkan hukuman sama bagi individu yang bersubahat melakukan kesalahan dinyatakan terdahulu.

Selain menyediakan peluang kepada individu terjejas memohon kepada mahkamah supaya berita tidak benar dihapuskan, mahkamah juga boleh memerintahkan polis menghapuskan berita tidak benar itu atas permohonan pendakwa raya.

Walaupun Seksyen 8 memberikan peluang kepada tertuduh memohon mengetepikan penghapusan berita tidak benar, kesempatan ini tidak diberikan kepada penerbitan berita palsu yang mampu mengugut keselamatan dan ketenteraman awam.

Bagaimanapun, harus ditegaskan kembali terpakai akibat pelaksanaan ordinaran ini bersifat sementara. Ia tertakluk pengisytiharan ataupun pembubaran darurat itu sendiri.

Mafhumnya, penguatkuasaan ordinaran ini boleh dibatalkan Parlimen selepas darurat dibubarkan, ataupun ia boleh terbatal secara sendiri dalam tempoh enam bulan selepas darurat berakhir.

Hakikatnya kesungguhan dan aspirasi kerajaan memerangi berita palsu ini secara kasarnya bersesuaian saranan WHO.

Namun, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengingatkan jaminan terhadap kebebasan maklumat dan bersuara penting dalam usaha memerangi COVID-19.

Oleh itu, diharapkan penguatkuasaan ordinaran ini dilakukan secara telus, tulus dan berhemah serta tidak menyekat kebebasan bersuara secara total.

Namun, pendekatan undang-undang semata-mata tidak mampu membendung penyebaran dan penghasilan berita palsu secara menyeluruh dalam jangka masa panjang.

Oleh itu, semua pihak harus mengamalkan konsep tabayyun terhadap sesuatu maklumat diterima.

Pengguna harus dididik bersifat lebih bertanggungjawab dengan menyemak terlebih dahulu maklumat diterima melalui saluran sah, sebelum dikongsikan dengan pihak ketiga.

**Hakikatnya kesungguhan dan aspirasi kerajaan memerangi berita palsu ini secara kasarnya bersesuaian saranan WHO.**



Penulis adalah Pensyarah Fakulti Undang-Undang di Universiti Multimedia, Kampus Melaka